



RASMI... Wences (dua dari kiri) memalu gong sebagai tanda rasminya Pesta Kaamatan Mukim Sitompok.

Pendidikan aset penting masyarakat

KUALA PENYU: Pendidikan merupakan aset penting dalam menentukan corak pembangunan serta masa depan yang cerah kepada sebuah masyarakat.

Pembantu Menteri belia dan Sukan Negeri, Datuk Wences Angang mengingatkan ibu bapa agar memberi penekanan serius terhadap pendidikan anak-anak mereka dengan memberikan pelajaran sehingga ke peringkat lebih tinggi.

"Ada di kalangan penduduk luar bandar enggan menghantar

anak-anak mereka belajar ke institut pengajian tinggi, sebaliknya berpuas hati selepas anak-anak mereka tamat belajar hanya di peringkat sekolah menengah.

"Fahaman cetek sesetengah ibu bapa, menyebabkan penuntut luar bandar ketinggalan dalam pelbagai bidang," katanya semasa berucap merasmikan Pesta Kaamatan Mukim Sitompok di Kg Purun Pasir.

Wences berkata, kerajaan sekarang ini telah memberikan

pelbagai kemudahan pendidikan termasuk menubuhkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi memberikan kemudahan pendidikan kepada rakyat Sabah.

Beliau juga menegaskan, pendidikan merupakan harta yang tidak ternilai bagi masa depan seseorang.

Sehubungan itu, beliau yang juga Wakil Rakyat Kuala Penyu berkata, rakyat perlu mengubah minda dengan mengutamakan bidang pendidikan.